

**UNDANG-UNDANG KECIL
PERUNTUKAN MENGENAI
LESEN BERSESAMA
MAJLIS DAERAH BESUT
1994**

**TR. P.U. 13
BIL. 17/1994
TARIKH 18 OGOS 1994**



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
Bil. 17

18hb Ogos 1994

TAMBAHAN No. 7
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 13.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PERUNTUKAN MENGENAI LESEN BERSESAMA (MAJLIS DAERAH BESUT) 1994

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 73, 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Besut dengan ini membuat dan menurut Seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

Akta 171

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Peruntukan Mengenai Lesen Bersesama (Majlis Daerah Besut) 1994** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Besut sahaja.

Nama dan pemakluman

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayat menghendaki makna yang lain—

Tafsiran

“Akta” ertinya Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“lesen” termasuklah permit;

“lesen bersesama” ertinya lesen yang dikeluarkan bersesama dan termasuklah lesen yang dikeluarkan secara komposit;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Besut;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Daerah Besut;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Besut dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

3. (1) Mana-mana lesen yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dikuatkuasakan oleh Majlis boleh dikeluarkan oleh Majlis bersesama dengan mana-mana lesen lain yang diberikan oleh mana-mana undang-undang kecil sedemikian.

Lesen Bersesama

(2) Lesen tersebut bolehlah dikeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

4. (1) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut dikenakan oleh Majlis dan boleh dibatalkan oleh Majlis pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

Syarat-syarat lesen

(2) Pembatalan lesen tertentu yang dikeluarkan bersejajanya dengan mana-mana lesen lain di bawah undang-undang kecil 3, tidak akan menyentuh keesahan mana-mana lesen lain yang telah dikeluarkan bersejajanya dengannya.

5. Sesuatu lesen adalah sah selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun.

Tempoh lesen

6. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya itu pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di premis itu dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberikuasa oleh Yang Dipertua secara bertulis.

Lesen hendaklah dipamerkan

7. (1) Di dalam undang-undang kecil ini apa-apa sebutan mengenai perkataan lesen hendaklah termasuk juga salinannya yang diperakui sah.

Salinan lesen

(2) Perakuan mana-mana lesen sebagai satu salinan yang sah hendaklah dibuat oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Majlis secara bertulis.

8. (1) Mana-mana permohonan suatu Lesen Bersejajanya hendaklah dibuat dalam suatu borang yang ditetapkan oleh Majlis.

Borang permohonan lesen dan lain-lain

(2) Mana-mana borang permohonan sedemikian hendaklah dikeluarkan oleh Majlis tertakluk kepada bayaran fee yang ditetapkan oleh Majlis.

Diperbuat oleh Majlis Daerah Besut dalam mesyuaratnya pada 13 haribulan April, 1993.

[MDB. 027/SJ. 23.]

ABDULLAH BIN MUHAMMAD,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Besut

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 18 haribulan Jun, 1994.

[SUK. TR. 12(8)/377/2; PUN. TR. (S) 85/3/20.]

OSMAN BIN MUDA,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu